

22/04/2001

Rumah bagaikan muzium

Azmi Abdul Malek

SAYA tak dapat mengira jumlah kad telefon yang saya simpan.

Jumlahnya beribu-ribu. Jika disusun boleh memenuhi dua gelanggang badminton," kata Ramli Abu Itam, 45.

Beliau yang kini bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Raja Permaisuri Bainun (SMRPP) dekat Ipoh berkata, usahanya mengumpul kad telefon bermula sejak 10 tahun lalu.

"Saya cari sendiri di dalam negara dan menerusi kenalan Internet. Saya mahu memasukkan nama saya dalam Malaysia Books Of Records apabila berjaya mengumpul kad telefon terbanyak di negara ini dalam masa terdekat ini.

"Saya berharap ada pihak menaja bagi mencapai cita-citanya itu," katanya ketika ditemui di rumahnya, baru-baru ini.

Ramli mengakui, setiap orang ada hobi dan minat tersendiri, tetapi tidak semua boleh dimanfaatkan untuk generasi akan datang.

Sebilangan besar mencari hobi sekadar mahu memenuhi cita rasa dan masa terluang.

Jarang seseorang itu memikirkan bahan hobinya boleh membantu generasi akan datang membuat kajian berdasarkan fakta kegiatan masa kini yang mungkin tersimpan sehingga mencecah 100 tahun.

Berdasarkan kesedaran inilah mendorong Ramli mengumpul pelbagai bahan menarik untuk tatapan dirinya dan masyarakat.

Beliau yakin hasil koleksinya mungkin akan digunakan generasi akan datang sebagai bahan kajian.

Selain kad telefon, Ramli juga berjaya mengumpul pelbagai barangan keluaran Coca-Cola termasuk botol minuman, cenderamata dan alat perhiasan.

"Saya juga kumpul jam dinding, alat muzik dan kamera antik selain majalah yang ada kaitan penulisan tokoh terkenal negara, termasuk pemimpin dan artis," katanya.

Antara penulisan tokoh terkenal negara dalam majalah koleksinya ialah membabitkan bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra; Perdana Menteri sekarang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Seniman Agung, P Ramlee.

Barang antik seperti pinggan tembikar, teko dan talam tembaga turut dikumpulkannya yang diperoleh daripada penduduk kampung terutama di sebelah utara tanah air.

Kebanyakan bahan berkenaan, katanya sukar diperoleh dan ia akan pupus sekiranya tidak ada usaha memuliharkannya.

Beliau berkata, sesetengah bahan simpanannya dijadikan kajian dan penyelidikan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

"Ada juga pihak yang menawarkan harga tinggi untuk membeli sebahagian barangan antik yang saya simpan tetapi tidak sanggup menjualnya.

"Pada pendapat saya nilai seni tidak boleh ditukar dengan wang ringgit selagi manusia masih menghargainya," katanya.

Ramli berkata, rumahnya kadangkala bagaikan muzium apabila ramai rakannya datang berkunjung semata-mata mahu melihat koleksinya yang dianggap unik.

Pelajar IPT turut berkunjung ke rumahnya untuk membuat kajian mengenai tokoh negara melalui bahan majalah yang disimpannya.

Kebanyakan bahan terkumpul diperoleh daripada rakan, penduduk sekitar dan teman Internet termasuk di Amerika Syarikat, Taiwan, Perancis, Jepun, Singapura, Thailand, Laos, India, Indonesia, Filipina, Korea, Kemboja serta Vietnam.

Beliau membelanjakan ribuan ringgit bagi memenuhi minatnya dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Antara koleksi yang paling istimewa baginya ialah biola buatan Czechoslovakia pada 1875 dan perakam piring hitam lama yang dikenali sebagai gramophone dari India.

Perakam piring hitam itu menarik perhatian umum kerana ia tidak menggunakan elektrik sebaliknya kuasa spring.

Kedua-dua alat muzik itu masih boleh digunakan dan pernah ditawarkan pihak tertentu dengan harga yang mahal.

Antara piring hitam lama yang masih disimpannya ialah lagu koleksi P Ramlee, Sudirman Arshad, Beattle, Elvis Presley dan Michael Jackson.

Beliau masih tidak mahu menjual hasil koleksi berkenaan kerana ia melanggar tujuan asal pengembangan hobinya.

"Saya yakin apa yang dikumpulkan ini mempunyai peristiwa tersendiri dan ia menjadi bahan sejarah bernilai tinggi suatu masa nanti.

"Oleh itu, saya tidak bercadang menjual sebahagian koleksi berkenaan malah mahu menambahnya selagi mampu," katanya.

Ramli sanggup berkongsi pengetahuan dan pengalaman bagi mengembangkan hobinya yang menarik itu melalui telefon 05-5275331.

(END)